

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 18 JANUARI 2014 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Bandar taraf MSC	Harian Metro
2.	Enam beranak dapat MyKad, sijil lahir	Utusan Malaysia
3.	Tak pernah sekolah	Harian Metro
4.	Najib : Kabinet terima cadangan penambahbaikan hadapi banjir	Bernama.com
5.	Angin kencang, laut bergelora berterusan sehingga Isnin	Bernama.com
6.	Malaysia ready for innovation era	New Straits Times
7.	Pensyarah Berkeley Raih Anugerah Sains Mahathir	Bernama.com
8.	BiotechCorp pilih AS perkenal tawaran Malaysia	Berita Harian

Bandar taraf **MSC**

■ Pembangunan Kuala Selangor turut maju pertanian, perikanan

Oleh Raja Puteri Nabiha Raja Ayub
am@mediaprima.com.my
Kuala Selangor

Bandar ini bakal menjadi sebuah bandar berteknologi tinggi dengan pembangunan sebuah pusat siber bertaraf Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh 15 tahun.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Ewon Ebin berkata, pembangunan dilakukan Goldpage Assets Sdn Bhd di Pasir Penambang itu mampu menarik ramai pelabur dari luar ke bandar itu sekali gus menyumbang kepada peningkatan ekonomi di Kuala Selangor.

"Bukan itu saja, pembangunan ini dilihat memberi faedah kepada sektor pertanian dan perikanan di kawasan itu yang sekian lama ketinggalan dari segi kegunaan teknologi maklumat.



EWON (dua dari kanan) merasmikan Cybercentre.

"Selain itu, kewujudan pusat siber ini bakal membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat di sekitar Kuala Selangor," katanya pada sidang media selepas merasmikan Pelancaran Cybercentre dan Majlis Menandatangani

Memorandum Persefahaman (MoU) antara Goldpage Assest Sdn Bhd dan Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka (KAYM).

Majlis itu turut dihadiri pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Goldpage Assest Datuk

Teh Hock Seong dan Ketua Pegawai Eksekutif Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka Datuk Saroni Judi.

Beliau berkata, inisiatif Goldpage Assest membangunkan kawasan luar bandar seperti Kuala Selangor dipuji kerana membawa perubahan dari segi teknologi maklumat (IT).

Dalam pada itu, Teh berkata, kerja pembinaan pusat siber seluas 323 ekar akan dimulakan pada akhir tahun ini secara berperingkat menerusi lima fasa.

"Pembangunan berkonsepkan pelancongan akan dilaksanakan termasuk pusat pelancongan, pusat beli belah, rumah mampu milik, rumah dua tingkat dan hospital," katanya.

Sementara itu, satu lagi cawangan KAYM akan dibuka bagi membolehkan peluang pendidikan dan latihan dalam kalangan masyarakat di Kuala Selangor dilakukan.

FOTO: SUZAINI SULAIMAN

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 16
TARIKH: 18 JANUARI 2014 (SABTU)



ABU Bakar Mohamad Diah (kanan) menyerahkan menyeraikan sijil kelahiran kepada salah seorang anak Khatijah Syed Mohamad sambil disaksikan wakil JPN, Md. Yusuff Hussien (belakang, kiri) di Kampung Paya Mengkuang 2, Bukit Rambai, Melaka, semalam. - UTUSAN/AZLI AHMAD

Enam beranak dapat MyKad, sijil lahir

MELAKA 17 Jan. - Penantian hampir setahun seorang wanita dan lima anaknya untuk memiliki MyKad dan sijil kelahiran akhirnya berakhir apabila kesemua mereka mendapat dokumen pengenalan diri tersebut hari ini.

Khatijah Syed Mohamad, 43, dan lima anaknya, Nurul Hidayah Muhammad Khairuddin, 16; Susmeeta, 14; Siti Fatimah, 10; Muhammad Muharam, 7, dan Siti Aisyah, 4, mendapat dokumen masing-masing hasil bantuan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Melaka dan Pusat Khidmat Parlimen Tangga Batu.

Ahli Parlimen Tangga Batu, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, penyerahan itu merupakan usaha mereka membantu keluarga

itu yang terdiri daripada sepasang suami isteri dan lapan anak.

"Keluarga ini berpindah ke Bukit Rambai untuk mencari kehidupan baharu dan suaminya tidak sihat serta perlu menjalani pembedahan tidak lama lagi.

"Disebabkan kesempitan hidup dan masalah tertentu, keluarga ini yang hidup berpindah-randah dari satu tempat ke satu tempat lain menghadapi masalah untuk mendapatkan kad pengenalan dan sijil kelahiran bagi anak mereka.

"Perkara ini dapat dikesan oleh JPN negeri dan mereka menghubungi saya dan atas inisiatif JPN, dalam tempoh tiga minggu sahaja mereka berjaya memperoleh kad pengenalan dan sijil kelahiran ma-

sing-masing," katanya.

Abu Bakar yang juga Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, menyerahkan MyKad dan sijil kelahiran itu di rumah sewa keluarga berkenaan di Bukit Rambai di sini hari ini.

Beliau turut menyerahkan bantuan peribadi berupa wang tunai dan barangan keperluan harian.

Menurut Abu Bakar, pihaknya akan berusaha membantu keluarga itu terutamanya dalam urusan pendapatan, kediaman dan persekolahan anak-anak mereka.

Katanya, pemantauan yang berterusan serta perhatian akan terus diberikan agar keluarga itu tidak berada dalam keadaan berlapar dan keciciran pelajaran.

Tak pernah sekolah

• 5 beradik tiada MyKad, surat beranak kini lega



FOTO: MOHD HATIM AB MANAN

ABU Bakar (kanan) menyerahkan sijil kelahiran kepada keluarga Khatijah di Kampung Paya Mengkuang 2, semalam.

Oleh Nur Ain Musdad
am@mediaprima.com.my
Melaka

Selepas beberapa tahun membesar tanpa pengenalan diri, lima beradik dari Kampung Paya Mengkuang 2, Bukit Rambai, di sini, akhirnya memperoleh MyKad dan surat beranak masing-masing semalam.

Ibu kepada lima beradik itu Khatijah Syed Mohamed, 43, bersyukur dan mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Melaka membantunya mendapatkan bu-

tiran pengenalan anaknya itu.

"Sebelum ini, anak kedua, Nurul Hidayah Muhammad Khairuddin, 16, dan adiknya Susmeeta, 14, tidak mempunyai kad pengenalan sejak berusia 12 tahun, manakala Siti Fatimah, 10, Muhammad Muharam, 7, dan Siti Aishah, 4, tiada dokumen kelahiran.

"Antara faktor menyebabkan saya gagal membuat mendaftarkan mereka adalah kerana suami Muhammad Khairuddin Abdullah, 54, seorang mualaf dan lewat mendapat surat pengesahan memeluk Islam sebelum ini," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Paya Meng-

FAKTA
Masalah dokumen pengenalan diri kanak-kanak terbabit dikesan ibu pejabat JPN di Kuala Lumpur

kuang 2, Bukit Rambai, di sini, semalam.

Khatijah berkata, berikutan kegagalan mendapatkan MyKad dan sijil kelahiran, semua anaknya tidak bersekolah selain dihipit kemiskinan.

Katanya, walaupun sudah beberapa tahun memeluk Islam, namun surat pengesahan itu hanya diperoleh pada 2004 menyebabkan ada antara anaknya gagal mendaftar untuk kedua-dua dokumen itu selain mereka kerap berpindah dari satu negeri ke negeri akibat kesempitan hidup.

"Sebelum ini, saya bekerja di kantin sebuah sekolah di Cheng dan berhenti pada penghujung Disember lalu kerana bimbang dengan kesihatan suami yang menghidap penyakit jantung. Saya sekeluarga terpaksa bergantung bantuan bulanan Majlis Agama Islam (MAIM) untuk menyara kehidupan," katanya.

Penyerahan MyKad dan sijil kelahiran kepada lima beradik itu dilakukan Ahli Parlimen Tangga Batu Datuk Abu Bakar Md Diah.


Turut hadir, Penyelia Bahagian Kelahiran dan Kematian JPN Melaka Md Yusof Hussin.

Sementara itu, Abu Bakar berkata, masalah dokumen pengenalan diri kanak-kanak terbabit dikesan ibu pejabat JPN di Kuala Lumpur sebelum pihaknya bersama JPN negeri membantu menjejaki lokasi mangsa.

"Dalam tempoh tiga minggu, kami berjaya menguruskan pendaftaran MyKad dan sijil kelahiran lima beradik ini sebelum menyerahkan dokumen berkenaan kepada mereka dan berharap anak Khatijah boleh bersekolah semula selepas ini," katanya.



Najib: Kabinet Terima Cadangan Penambahbaikan Hadapi Banjir



PEKAN, 18 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kabinet telah menerima cadangan penambahbaikan daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara bagi menghadapi banjir termasuk sistem amaran awal dan projek tebatan banjir.

Beliau berkata selaras dengan usaha itu, kerajaan akan meminta **Jabatan Meteorologi Malaysia(JMM)** dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menggunakan teknologi terkini dan canggih bagi memastikan sistem pengurusan banjir negara lebih cekap dan berkesan.

"Kerajaan juga akan mempertimbangkan cadangan membina tebatan banjir di kawasan banjir iaitu di Kemaman (Terengganu) yang melibatkan kos RM480 juta dan di Sungai Isap (Kuantan) sebanyak RM700 juta.

"Selain itu aset-aset tambahan seperti bot dan trak yang berkeupayaan tinggi untuk masuk ke kawasan banjir juga akan dipertimbangkan kerana ia melibatkan kos yang tinggi," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap pada majlis penyerahan bantuan kepada mangsa banjir dalam kawasan Parlimen Pekan di sini hari ini.

Najib dalam pada itu turut menasihatkan agar rakyat membuat persediaan awal mengikut kemampuan masing-masing bagi mengelak keadaan yang lebih buruk ketika menghadapi musim banjir.

"Kita mesti amalkan prinsip 'sediakan payung sebelum hujan' bagi mengelak keadaan menjadi lebih rumit ketika musim banjir dengan membuat perbelanjaan (barang keperluan) lebih mengikut kemampuan kita," katanya.

Beliau juga mengingatkan orang ramai agar tidak menyalahkan mana-mana pihak dalam kejadian musibah banjir baru-baru ini kerana ia merupakan fenomena alam yang melanda seluruh dunia termasuk negara maju seperti Amerika Syarikat.

"Macam di Jabor (Terengganu) perubahan iklim dunia telah membawa hujan yang berlebihan iaitu kalau biasanya hujung tahun hujan turun sebanyak 350mm dalam sebulan tapi pada 2 Dis lalu turun sebanyak 777mm dalam masa sehari.

"Bayangkan dalam sehari (jumlah) hujan turun dua kali ganda...inilah fenomena yang menimpa kita...oleh itu kita tak boleh salahkan sesiapa melainkan membuat persediaan untuk mengurangkan kesan musibah banjir," katanya.

Pada majlis itu, Najib menyampaikan bantuan RM500 daripada kerajaan pusat dan RM250 daripada kerajaan negeri serta barangan bernilai RM3,000 terdiri peti ais, tilam, bantal, dapur, dan set tv kepada setiap daripada 1,540 keluarga yang menjadi mangsa banjir di Pekan Disember lepas.

Najib selaku anggota Parlimen Pekan turut menyampaikan sumbangan peribadi periuk nasi elektrik kepada setiap penerima bantuan itu.

Turut hadir Speaker Dewan Undangan Negeri Pahang Datuk Ishak Mohammad dan Presiden Kelab Putra 1Malaysia Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim.

-- BERNAMA



Angin Kencang, Laut Bergelora Berterusan Sehingga Isnin

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora yang kini melanda perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur, kawasan pendalaman Pantai Barat, kudat, Wilayah Persekutuan Labuan di Sabah dan Sarawak dijangka berterusan sehingga Isnin.

Jabatan Meteorologi dalam kenyataan di sini berkata angin kencang timur laut dengan kelajuan 60 kilometer sejam (km/jam) dan ombak melebihi 5.5 meter itu berbahaya kepada semua aktiviti pantai dan perkapalan termasuk pekerja di pelantar minyak.

"Selain itu, kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut," kata kenyataan itu.

Angin kencang dan laut bergelora kategori kedua di kawasan perairan Sandakan di Sabah juga akan berterusan sehingga Isnin dengan kelajuan antara 50 hingga 60 km/jam serta ombak setinggi 4.5 meter.

Keadaan itu juga berbahaya kepada aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan serta perkhidmatan feri.

Sementara itu, angin kencang dan laut bergelora kategori pertama melanda kawasan perairan Tawau, Semporna dan Lahad Datu di Sabah dengan kelajuan angin 40 hingga 50 km/jam serta ombak setinggi 3.5 meter.

Keadaan itu juga berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

Amaran sama turut dikeluarkan bagi kawasan di perairan Samui, Tioman, Bunguran, Reef South, Palawan, Condore, dan Layang-Layang dengan kelajuan angin 60 km/jam dan ombak mencapai 5.5 meter.

Kenyataan itu berkata ribut petir di perairan Wilayah Persekutuan Labuan dan Selangor dijangka berterusan sehingga Isnin dengan angin berkelajuan 60 km/jam dan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter.

-- BERNAMA

Malaysia ready for innovation era

MAJOR CHALLENGE: We have to invest in innovation to stay relevant and move up the economic ladder

THE country is now on the road to developed nation status with 2020 as the target. Though the growth figures look encouraging, it is still early to call.

One thing is for sure though. We have entered a new development phase. Gone are the days when we could depend on low-cost advantages to compete.

We have migrated to a higher cost economy. This is unavoidable after the country's commendable progress made all these years. There is no doubt we are now in a different league of competition. We need to compete with countries which have also moved up the economic ladder. We have no choice.

Nowadays, global competition is increasingly shaped by innovation. All high-cost nations have to invest in innovation to stay relevant in the global economy.

We are fortunate because the government has shown strong commitment to increase the country's spending on science, technology

and innovation (STI).

This was clearly articulated by Prime Minister Datuk Seri Najib Razak at a recent dinner hosted by the Academy of Sciences Malaysia.

In fact, he has personally injected a new vigour into the nation's science agenda. Some of his recent initiatives include the Global Science Innovation Advisory Council (GSIAC), Science to Action programme (S2A), the establishment of Malaysian Innovation Agency (AIM), and many more. He has also reinstated the office of the science adviser which has been dormant for a number of years.

Judging by the many positive signals from the country's leadership, we should be ready to compete in the innovation game. Admittedly, the most critical factor driving our innovation agenda is the availability of the right STI human capital. This is where there is much concern.

Attracting and retaining such talents have remained a major challenge. Many have lamented on the declining interest in science among



The most critical factor driving our innovation agenda is the availability of the right human capital for research.

students. But there is hope that the new education blueprint will address that.

At the Academy of Sciences Malaysia, we have been vigorously promoting the adoption of the Inquiry Based Science Education (IBSE) approach. The take-up has been rather lukewarm. Secondly, though over the years, many have been sent for training in STI disciplines, a big number has left to work elsewhere.

The government has been trying hard to bring back Malaysian professionals abroad through the establishment of Talent Corporation and other programmes. Unfortunately, this has met with limited success.

Many Malaysian scientists have made it good outside Malaysia.

Now, we have to think of new ways to tap on such skills. As part of the Academy's ongoing efforts to invigorate STI talents in the country, it has initiated a database for Malaysian research scientists.

Strategically named Top Research Scientists Malaysia (TRSM), the idea behind the initiative is to get active Malaysian research scientists to update their STI achievements on the database.

It has always been difficult to get scientists to voluntarily update.

However, in the case of the TRSM database, the Academy throws in a

number of specific performance criteria to recognise the high achievers among the scientists. These include the number of highly cited publications, patents, R&D commercialisation and a few more.

All submissions are made online. And all undergo a rigorous selection process by an expert panel made up of the Academy's Senior Fellows, who are themselves accomplished top scientists of the country.

And each year, those selected to be on the TRSM list are specially recognised at the Academy's annual dinner. The 2013 group was announced in the presence of the prime minister at a recent Academy conferment dinner.

There are plans to request the government for more privileges for TRSM high achievers. But the more important objective of TRSM is to make known to potential investors in the technology-based industry that we do have high-calibre research talents which can be tapped on.

Now, the Academy is working hard to establish another category of TRSM achievers. This is for top researchers in the industry. For industry researchers, the criteria will have to be different.

The Academy is also exploring discussions with Talent Corporation to also enlist Malaysian scientists abroad on the TRSM database.

We have no doubt that through TRSM, we can motivate more Malaysian scientists to strive for higher excellence.



Dr Ahmad Ibrahim is fellow of the Academy of Sciences Malaysia



Pensyarah Berkeley Raih Anugerah Sains Mahathir

Oleh Azmir Sharifuddin

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Hubungan erat dengan rakan sejawat serta pertubuhan di Malaysia memungkinkan banyak kejayaan saintifik dunia dihasilkan.

Ini adalah hakikat yang turut diakui pemenang Anugerah Sains Mahathir, antaranya Profesor James M. Kelly dari Universiti California, Amerika Syarikat.

Beliau adalah pemenang terkini anugerah yang berprestij itu.

Kelly dianggap tokoh 'father of base isolation' yang merintis pembangunan teknik pengasingan seismik dan lesapan tenaga.

"Saya mempunyai 40 tahun hubungan dengan penyelidikan di Malaysia, bermula dengan Yayasan Penyelidikan Getah Malaysia di England dan kemudian dengan Institut Penyelidikan Getah Malaysia di Kuala Lumpur," Prof Kelly dalam ucapan penerimaan pada majlis penyampaian Anugerah Sains Mahathir 2012, Disember, 2013.

PENYELIDIKAN DALAM GETAH SEISMİK

Profesor Kelly memulakan usaha membangun teknologi gelas getah seismik dengan Persatuan Penyelidikan Pengeluar Getah (kini dikenali sebagai Pusat Penyelidikan Tun Abdul Razak atau singkatannya TARRC) di United Kingdom.

TARRC adalah pusat penyelidikan dan pembangunan mengenai getah tersohor dunia.

Usaha ini adalah projek bersama menilai potensi gelas getah asli 'natural rubber bearings' untuk mengasingkan bangunan serta jambatan daripada kerosakan akibat gempa bumi.

Kegigihan Kelly dalam usahanya itu menghasilkan penggunaan 'high damping rubber bearing' yang pertama dunia, dimajukan oleh TARRC untuk bangunan Pusat Undang-undang dan Keadilan di San Bernadino, California pada 1985.

Beliau bagaimana berkata, amat sukar untuk mendapatkan sokongan jurutera struktur pada masa itu untuk menerima penyelidikan gelas getahnya memandangkan mereka tidak yakin gelas getah boleh melindungi bangunan seperti hasil penyelidikannya.

Kelly dan rakan sejawatnya kemudian menganjurkan satu mesyuarat di Kuala Lumpur dengan RRIM.

Beliau membawa seorang daripada jurutera itu untuk bertemu dengan ahli sains dan teknologi penyelidikan getah tempatan. Pada pertemuan itu, beliau ditunjukkan bagaimana getah asli Malaysia digunakan sebagai bahan kejuruteraan.

Menurut Kelly, jurutera itu menjadi yakin dengan penerangan yang diberikan dan beliau kembali ke California untuk menyakinkan jurutera lain supaya menimbang penggunaan galas getah.

PENEMUAN PENTING

Sementara itu, pengerusi Yayasan Anugerah Sains Mahathir, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid dalam ucapan pada majlis yang sama berkata kira-kira 100,000 gempa bumi berlaku setiap tahun.

Menurut beliau, daripada jumlah itu, kira-kira 100 menyebabkan kerosakan.

"Kebanyakan kematian bukan disebabkan gegaran bumi tetapi bangunan yang runtuh. Galas getah seismik mengurangkan risiko dan membantu menyelamatkan banyak nyawa," katanya.

Kesan paling nyata penggunaan teknologi itu ialah ketika gempa bumi Northridge dan Kobe, masing-masing pada 1994 dan 1995.

Semua bangunan yang menggunakan galas getah menunjukkan pencapaian yang baik sewaktu berlakunya bencana itu.

Ini membuatkan kerajaan Jepun menggunakan teknologi itu bagi hampir kebanyakan jambatan yang baru dibina di Jepun sementara jambatan yang sedia ada secara beransur-ansur dilengkapi dengan galas getah.

Pada masa ini, teknologi itu digunakan dalam lebih 10,000 struktur di negara yang sering dilanda gempa bumi dan bencana alam seperti China, Indonesia, Iran, India, Amerika Syarikat, Taiwan, Itali, Armenia, Turki dan New Zealand.

"Di Malaysia, galas getah seismos telah digunakan dalam pembinaan Jambatan Pulau Pinang kedua," tambah Ahmad Sarji.

Katanya, Malaysia sebagai satu daripada negara pengeluar terbesar getah asli berada di barisan depan dalam menyediakan teknologi itu kepada banyak projek bangunan di seluruh dunia.

LATAR BELAKANG KELLY

Dilahirkan pada 25 Mei, 1935 di Hamilton, Scotland, Kelly memulakan pengajian kejuruteraannya di Universiti Glasgow, Scotland dan lulus pada 1956 dalam bidang Kejuruteraan Awam.

Beliau kemudian melanjutkan pengajian ke Amerika Syarikat dan memperoleh ijazah sarjana Kejuruteraan Mekanik dari Universiti Brown, Rhode Island pada 1959.

Kelly menamatkan ijazah kedoktorannya (PhD) dalam Kejuruteraan Awam dari Universiti Stanford, California pada 1962.

Pada 1965, beliau memulakan kariernya sebagai penolong profesor di Universiti California, Berkeley. Pada masa ini, beliau berkhidmat sebagai profesor di Sekolah Siswazah, Jabatan Kejuruteraan Awam.

Beliau menghabiskan lebih 30 tahun di universiti itu, mengetuai penyelidikan penuntut siswazah dalam simulasi dan analisis kesan menggunakan sistem 'base isolation' untuk mengurangkan kerosakan struktur ketika berlaku gegaran kuat bumi.

ANUGERAH SAINS

Presiden Akademi Sains Malaysia (ASM), Tan Sri Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali berkata penerima anugerah itu sebelum ini termasuk Profesor John Sheppard Mackenzie atas sumbangannya dalam menyelesaikan masalah berhubung virus Japanese Encephalitis pada 2005.

Fakulti Perubatan Universiti Malaysia menerima anugerah ini pada 2006 untuk sumbangan cemerlang dalam pemahaman serta rawatan Nipah Encephalitis.

Penerima lain ialah Profesor Joseph Sriyal Malik Peiris pada 2007 di atas penemuan agen 'aetiological' yang menyebabkan SARS, Prof Dr Gurdev Singh Khush yang diberi anugerah pada 2008 untuk hasil kerja dalam membangunkan pelbagai jenis beras.

Seorang lagi penerima ialah Profesor Yuan Long Ping pada 2011 kerana membangunkan beras hibrid yang merevolusikan pengeluaran dan penampungan beras global.

Anugerah Sains Mahathir 2012 diberi kepada Kelly sebagai penerima pertama dalam kategori Seni Bina dan Kejuruteraan Tropika selepas proses pemilihan yang rapi dibuat ke atas 31 pencalonan dari 11 buah negara seluruh dunia.

ASM mewujudkan anugerah ini sebagai penghargaan kepada perdana menteri Malaysia keempat, Tun Dr Mahathir Mohd di atas sumbangan beliau kepada pencapaian dalam bidang sains tropika.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT B2
TARIKH: 18 JANUARI 2014 (SABTU)

Biotechcorp pilih AS perkenal tawaran Malaysia

Perbadanan Bioteknologi Malaysia (**Biotech-Corp**) menjadikan Amerika Syarikat (AS) sebagai sasaran terbaharu dalam memperkenalkan dan menonjolkan peluang dan cadangan menarik yang ditawarkan oleh Malaysia kepada pelabur dan syarikat.

Bersama-sama CIMB Investment Bank sebagai rakan kongsi, Biotechcorp mengadakan majlis taklimat dan sesi mewujudkan jaringan dengan kalangan pelabur khas di San Francisco.

Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal, berkata Malaysia adalah antara hab penjagaan kesihatan paling kompetitif di rantau Asia Pasifik dan berkembang pada kadar yang rancak.

Katanya, ia dipacu perbelanjaan penjagaan kesihatan yang semakin meningkat dan kerajaan yang properniagaan, selain penggunaan teknologi baharu yang semakin meningkat.

Beliau berkata, Asia, tempat tinggal lebih separuh daripada penduduk dunia, menampilkan peluang pertumbuhan paling menarik kepada industri penjagaan kesihatan.

Peluang penjagaan kesihatan

"Ia dipacu oleh kehadiran golongan kelas pertengahan yang meningkat, pertumbuhan kukuh pendapatan boleh dibelanjakan, penduduk yang semakin berumur dan serangan pelbagai penyakit yang berpunca daripada gaya hidup.

"Kami gembira lebih 50 syarikat penjagaan kesihatan dan pelabur hadir untuk membincangkan peluang perniagaan dan usaha sama pembiayaan sebagai menyokong rancangan peluasan operasi perniagaan mereka," katanya berucap pada majlis itu, kelmarin.

Taklimat pelabur itu dianjurkan di luar acara Persidangan Penjagaan Kesihatan ke-32 JP Morgan dan Persidangan Pameran Bioteknologi Ke-6, di San Francisco.